KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA **1 NOVEMBER 2026**
TM. 279/2026

TOURISM MALAYSIA HIMPUNKAN WAKIL MEDIA ANTARABANGSA BAGI PROGRAM MEGA FAM SEMPENA PETRONAS GRAND PRIX OF MALAYSIA (MOTOGP 2026)

KUALA LUMPUR — Tourism Malaysia hari ini menganjurkan sesi Meet & Greet di IRAMA Dining Kuala Lumpur bagi 19 wakil media antarabangsa dan Key Opinion Leaders (KOL) yang menyertai Program Mega Familiarisation (Mega Fam) anjurannya sempena PETRONAS Grand Prix of Malaysia (MotoGP 2026).

Berlangsung dari 29 Oktober hingga 2 November 2026, program selama lima hari ini menghimpunkan delegasi dari China, India, Filipina, Sri Lanka, Indonesia dan Thailand untuk merasai tawaran sukan permotoran, kebudayaan, warisan, gastronomi dan gaya hidup Malaysia. Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada usaha Tourism Malaysia untuk memperkukuh penglibatan media antarabangsa, meluaskan keterlihatan destinasi serta menyokong kempen Tahun Melawat Malaysia 2026–2027 (VM2026–2027).

En. Mohd Akbal Setia, Timbalan Ketua Pengarah (Promosi), Tourism Malaysia berkata, "Program Mega Fam merupakan platform strategik untuk memperkukuh keterlihatan Malaysia di peringkat antarabangsa serta menyokong objektif Tahun Melawat Malaysia 2026–2027. Dengan membawa wakil media antarabangsa dan pencipta kandungan untuk merasai pengalaman PETRONAS Grand Prix of Malaysia serta kepelbagaian tawaran pelancongan Malaysia, kami berhasrat menjana liputan media yang bermakna dan mencetuskan minat yang lebih tinggi terhadap Malaysia sebagai destinasi pelancongan pilihan.

"Penganjuran acara sukan permotoran bertaraf dunia di Litar Antarabangsa Sepang (SIC) membuktikan keupayaan Malaysia menganjurkan acara sukan antarabangsa berskala besar, di samping mewujudkan peluang pertumbuhan pelancongan. Dengan menggabungkan keterujaan PETRONAS Grand Prix of Malaysia bersama pengalaman menerusi tarikan kebudayaan, warisan, gastronomi dan gaya hidup kita, kita dapat terus memperkukuh daya tarikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan sukan serta menggalakkan pelancong untuk meneroka lebih banyak lagi keunikan negara ini."

Antara tumpuan utama program ini ialah Night Track Tour di Litar Antarabangsa Sepang (SIC) yang diadakan sebagai sebahagian daripada kerjasama strategik antara Tourism Malaysia dan SIC bagi PETRONAS Grand Prix of Malaysia (MotoGP 2026), sekali gus menawarkan pengalaman unik pada waktu malam kepada peserta di venue sukan permotoran yang ikonik itu. Jadual perjalanan turut merangkumi lawatan ke Kuala Lumpur

City Gallery dan Batu Caves, pengalaman membeli-belah di The Exchange TRX serta lawatan bandar menaiki perkhidmatan KL Hop-On Hop-Off (HOHO).

Peserta juga akan melawat Tokong Thean Hou, menyaksikan persembahan tarian kebudayaan Malaysia di Malaysia Tourism Centre (MATIC), serta menghadiri taklimat produk dan lawatan berpandu di KLDEX yang menempatkan muzium durian. Program ini turut merangkumi pengalaman interaktif di Space & Time Cube Malaysia dan peluang menikmati hidangan tradisional Nusantara di Restoran Tuai + Till, Kimpton Naluria Hotel Kuala Lumpur.

Kemuncak program ini ialah kehadiran para delegasi ke perlumbaan PETRONAS Grand Prix of Malaysia pada 1 November 2026. Penyertaan mereka dijangka menjana pendedahan media antarabangsa bagi arena sukan permotoran Malaysia, di samping mempamerkan keupayaan negara menganjurkan acara sukan utama dan menyediakan pengalaman pelawat yang pelbagai.

Sektor pelancongan Malaysia terus menunjukkan momentum positif dengan mencatatkan 32.3 juta ketibaan pelawat antarabangsa dari Januari hingga September 2026, peningkatan sebanyak 2.4 peratus berbanding 31.5 juta ketibaan dalam tempoh yang sama pada 2025. Seiring perkembangan ini, Tourism Malaysia terus memperkukuh usaha promosi antarabangsa menerusi inisiatif seperti Program Mega Fam bagi meluaskan liputan media, meningkatkan kesedaran terhadap kepelbagaian tawaran pelancongan Malaysia serta menggalakkan lebih ramai pelancong melawat negara ini sempena Tahun Melawat Malaysia 2026–2027.

-TAMAT-

Mengenai Tourism Malaysia

Lembaga Promosi Pelancongan Malaysia, juga dikenali sebagai Tourism Malaysia, merupakan agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC). Agensi ini memberi tumpuan kepada usaha mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan pilihan dan sejak penubuhannya telah memainkan peranan penting dalam memperkukuh kehadiran serta daya saing negara dalam landskap pelancongan global.

Tahun Melawat Malaysia 2026-2027 (VM2026-2027) menggariskan komitmen Malaysia terhadap pembangunan pelancongan mampan, selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSDG). Kempen ini bertujuan mempamerkan kepelbagaian tarikan semula jadi, warisan budaya yang kaya dan tawaran pelancongan yang meriah di negara ini, di samping memacu pertumbuhan inklusif serta nilai jangka panjang kepada komuniti setempat dan pihak berkepentingan industri.

Untuk maklumat lanjut, layari laman sesawang Tourism Malaysia www.tourism.gov.my dan akaun media sosial di Facebook, Instagram, X, YouTube dan TikTok.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Chan Hon Mun
Timbalan Pengarah Kanan
Bahagian Komunikasi Korporat
hmchan@tourism.gov.my
+603 8891 8767

Norshariza Mohd Saad
Timbalan Pengarah
Bahagian Komunikasi Korporat
norshariza@tourism.gov.my
Tel: +603 8891 8775